



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

6 NOVEMBER 2025 (KHAMIS)

PGA Sabah Gagalkan Penyeludupan Ayam Bernilai RM21.7 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Dalam Talian	5 Nov



Komander Briged Sabah PGA, Senior Asisten Komisioner Nor Omar Sappi pada sidang media di Ibu Pejabat Briged Sabah PGA, hari ini.

PAPAR: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah berjaya melumpuhkan kegiatan penyeludupan ayam beku dan ayam sabung bernilai RM21.7 juta dalam satu operasi besar-besaran yang dijalankan di seluruh negeri, semalam.

Komander Briged Sabah PGA, Senior Asisten Komisioner Nor Omar Sappi berkata, operasi yang digerakkan hasil maklumat risikan itu dilaksanakan antara jam 9 pagi hingga 12.30 tengah hari

di 15 lokasi berasingan melibatkan lapan daerah iaitu Kota Kinabalu, Penampang, Tawau, Sandakan, Beluran, Keningau, Lahad Datu dan Semporna.

“PGA Sabah bersama agensi sahabat iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga Kementerian Kesihatan (KKM) telah menjalankan operasi bersepadu untuk

membentaras penyeludupan ayam beku dan penyeludupan ayam sabung di 15 lokasi di lapan daerah,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Briged Sabah, PGA, di sini hari ini.

Dalam operasi bersepadu itu, seramai 24 individu termasuk 17 lelaki dan tujuh wanita tempatan berusia antara 18 hingga 91 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

Kesemua tangkapan serta barangan rampasan telah diserahkan kepada agensi berkaitan termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar, PBT dan KKM untuk siasatan lanjut.

Kes disiasat mengikut pelbagai peruntukan undang-undang termasuk Seksyen 15(1), Seksyen 21(1)(a) dan Seksyen 13 di bawah Enakmen Haiwan 2015, Akta Makanan 1983, Ordinan Pelesenan Perdagangan 1948 serta Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Menurut Nor Omar, aktiviti penyeludupan ayam dari luar negara bukan sahaja menjejaskan keselamatan makanan tempatan, malah berisiko membawa penyakit yang boleh menular kepada ternakan dan manusia.

Beliau turut menyeru orang ramai supaya tampil menyalurkan maklumat

berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan kepada pihak berkuasa.-[BULETINTV3](#)

PGA Sabah Tumpas Sindiket Seludup Ayam Beku dan Ayam Sabung Bernilai RM21.7 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah Media	Utama	Dalam Talian	5 Nov



Nor Omar (tengah) semasa mengadakan sidang media di sini, hari ini.

KOTA KINABALU: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah berjaya menumpaskan kegiatan penyeludupan ayam beku dan ayam sabung dalam satu operasi bersepadu yang dilaksanakan di 15 lokasi di lapan daerah seluruh negeri pada 4 November lalu.

Operasi yang dinamakan Op Bersepadu Chiller dan Op Bersepadu Manuk itu dijalankan hasil maklumat risikan antara jam 9 pagi hingga 12 tengah hari, diketuai PGA Briged Sabah

dengan kerjasama pelbagai agensi.

Menurut Komander Briged Sabah PGA, Senior Asisten Komisioner (SAC) Nor Omar Sappi, operasi bersepadu tersebut menyasarkan dua bentuk kesalahan utama iaitu penyeludupan makanan sejuk beku dan aktiviti penyeludupan serta penternakan ayam sabung yang dikaitkan dengan kegiatan perjudian.

“Sebanyak 15 lokasi diperiksa melibatkan lapan daerah

iaitu Kota Kinabalu, Penampang, Tawau, Sandakan, Beluran, Keningau, Lahad Datu dan Semporna,” katanya dalam satu sidang media di sini, hari ini.

Operasi itu turut disertai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (JPVS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan kekuatan keseluruhan seramai 174 anggota.

Daripada jumlah itu, seramai 109 pegawai dan anggota daripada PGA Briged Sabah terlibat bersama 21 pegawai JPVS, 20 pegawai PBT dan 24 pegawai KKM.

Menjawab pertanyaan mengenai sumber makanan sejuk beku yang dirampas dan lokasi aktiviti sabung ayam, Nor Omar berkata barangan itu dipercayai dibawa masuk dari luar negara.

“Ini adalah perniagaan yang menguntungkan, jadi sudah tentu aktiviti seperti ini akan berterusan. Namun pihak polis akan terus mengambil pendekatan tegas untuk membanteras kegiatan seumpamanya,” katanya.

Bagaimanapun katanya, pihaknya masih menjalankan siasatan lanjut mengenai asal

usul barangan sejuk beku berkenaan kerana ia tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan, termasuk permit, aspek kebersihan dan pensijilan halal.

“Mengenai aktiviti sabung ayam pula, ia dikesan dijalankan di kawasan ladang-ladang seperti ladang kelapa sawit,” jelasnya.

Beliau berkata, hasil operasi membawa kepada tangkapan 24 individu berusia antara 18 hingga 61 tahun, terdiri daripada 17 lelaki dan tujuh wanita, semuanya warga tempatan.

“Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM21,762,277.70 dan kes disiasat di bawah beberapa peruntukan undang-undang termasuk Seksyen 15(1) dan Seksyen 21(1)(i) Enakmen Haiwan 2015, Seksyen 13 Akta Makanan 1983 serta Ordinan Perlesenan Perdagangan 1948,” katanya.

Menurutnya, semua tangkapan dan barang rampasan telah diserahkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut.

“Pihak polis akan terus komited dan konsisten dalam membanteras aktiviti penyeludupan di negeri ini. Orang ramai juga digesa menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kepada

pihak berkuasa bagi
membantu usaha ini,”
tambahnya.-[SABAHMEDIA](#)

Sektor Veterinar Pacu Pertumbuhan Ekonomi Kelantan			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harakah Daily	Berita	Dalam Talian	5 Nov



KOTA BHARU: Sektor veterinar kini menjadi antara pemacu utama dalam memperkukuh pembangunan industri ternakan berdaya saing, sekali gus mampu menjana ekonomi negeri.

Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, keupayaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVVK) melaksanakan kawalan penyakit haiwan dengan berkesan telah meningkatkan keyakinan terhadap keselamatan makanan negeri.

Menurutnya, pada masa sama, kemajuan bioteknologi serta kemunculan generasi muda usahawan dalam bidang penternakan telah membuka ruang kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan ternakan yang lebih dinamik.

“Peranan sektor veterinar kini jauh lebih luas. Ia bukan sahaja memastikan kesihatan dan kebajikan haiwan, tetapi juga menjamin keselamatan makanan rakyat serta kelestarian sumber protein tempatan.

“Sektor ini menjadi tunjang kepada daya tahan industri pertanian negeri,” kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri itu.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari Veterinar Peringkat Negeri Kelantan 2025 yang diadakan di sebuah hotel di sini kelmarin.

Sempena majlis tersebut, beliau turut menyampaikan Anugerah Penghargaan Veterinar kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan Cemerlang, rakan strategik, pegawai serta staf.

Mereka menerima pengiktirafan khas atas kecemerlangan dan dedikasi dalam memberikan khidmat terbaik kepada rakyat.

Saripudin merakamkan penghargaan kepada JPVNK atas komitmen berterusan dalam memperkukuh sistem veterinar negeri melalui pelbagai inisiatif kawalan, program kesedaran awam serta kerjasama strategik bersama agensi kerajaan, swasta dan komuniti penternak.

“Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JPVNK yang bukan sahaja memainkan peranan penting

dalam perkhidmatan veterinar, tetapi juga dalam menggerakkan pelan pembangunan ternakan negeri yang mampan.

“Sinergi bersama pelbagai agensi amat penting bagi memperkukuh keselamatan makanan dan ekonomi tani,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising.

Beliau menyeru warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar agar terus memperkukuh nilai integriti, profesionalisme dan inovasi selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan sektor penternakan sebagai teras pertumbuhan ekonomi pertanian baharu yang berdaya tahan dan lestari.

“Veterinar bukan lagi hanya tentang kawalan penyakit, tetapi tentang masa depan industri penternakan yang membina daya saing, memacu bioteknologi dan mencipta peluang ekonomi baharu untuk rakyat Kelantan,” katanya.

Turut hadir ialah Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan, pegawai kanan jabatan serta wakil-wakil agensi berkaitan.

– [HARAKAHDAILY](#)

PGA Rampas Ayam Beku, Sabung RM21 Juta, 24 Individu ditahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sabah	Dalam Talian	5 Nov



SIDANG MEDIA: Nor Omar semasa sidang media di PGA Sabah, Kinarut.

KOTA KINABALU: Operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi penguat kuasa di Sabah membawa kepada penahanan 24 individu dan rampasan barangan bernilai lebih RM21 juta, termasuk ayam beku dan ayam sabung, semalam.

Operasi selama tiga jam bermula jam 9 pagi itu dijalankan secara serentak di 15 lokasi di lapan daerah, antaranya Kota Kinabalu, Penampang, Sandakan, Tawau, Beluran, Keningau, Lahad Datu dan Semporna.

Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah, Senior Asisten Komisioner Nor Omar Sappi berkata, hasil risikan mendapati wujud rangkaian penyeludupan ayam beku dan ayam sabung yang aktif menjalankan kegiatan haram di beberapa kawasan tumpuan negeri ini.

Katanya, seramai 24 individu tempatan berusia antara 18 hingga 61 tahun terdiri daripada 17 lelaki dan tujuh wanita, ditahan bagi membantu siasatan lanjut.

“Turut dirampas barangan dianggarkan bernilai RM21.76 juta termasuk ayam beku, peralatan penyimpanan dan barangan lain yang dipercayai berkaitan dengan aktiviti penyeludupan,” katanya pada sidang media di PGA Sabah, Kinarut.

Beliau berkata, semua tangkapan dan rampasan diserahkan kepada agensi berkaitan untuk siasatan lanjut mengikut pelbagai peruntukan undang-undang antaranya Enakmen Haiwan 2015, Akta Makanan 1983 dan Ordinan Perlesenan Perdagangan 1948.

Nor Omar menegaskan PGA Briged Sabah akan terus memperkukuh operasi penguatkuasaan bagi mengekang aktiviti penyeludupan yang menjejaskan ekonomi serta berisiko terhadap keselamatan dan kesihatan awam.

“Kerjasama orang ramai amat penting dalam menyalurkan maklumat bagi membantu pihak berkuasa membanteras kegiatan seperti ini,” katanya.

Operasi turut disertai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (JPVS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).-

[UTUSANBORNEO](#)

PGA Rampas Makanan Sejuk Beku dan Ayam Sabung Bernilai RM21.7 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Nabalu News	Nasional	Dalam Talian	5 Nov



KOTA KINABALU: Pasukan Gerakan Am (PGA) berjaya menumpaskan aktiviti penyeludupan ayam beku dan ayam sabung dalam Operasi Bersepadu, Op Chiller dan Op Manuk yang dijalankan serentak di seluruh negeri, semalam.

Operasi selama tiga jam yang bermula jam 9 pagi itu dilaksanakan di 15 lokasi berasingan melibatkan lapan daerah iaitu Kota Kinabalu, Penampang, Tawau, Sandakan, Beluran, Keningau, Lahad Datu dan Semporna.

Komander PGA Briged Sabah, Senior Asisten Komisioner Nor Omar Sappi berkata, operasi yang bertindak atas maklumat risikan itu turut berjaya menahan 24 individu.

Katanya, semua suspek berusia lingkungan 18 hingga 61 tahun itu melibatkan 17 lelaki dan tujuh wanita tempatan.

“Selain tangkapan, operasi turut membawa kepada rampasan barangan bernilai kira-kira RM21.76 juta (RM21,762,277.70) termasuk ayam beku, peralatan

penyimpanan serta barangan berkaitan aktiviti penyeludupan.

“Semua tangkapan dan rampasan telah diserahkan kepada agensi-agensi berkaitan untuk tindakan dan siasatan lanjut,” katanya pada sidang media di pejabat PGA Sabah, Kinarut, hari ini.

Nor Omar berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 15(1) dan Seksyen 21(1)(i) Enakmen Haiwan 2015, Seksyen 13 Akta Makanan 1983 (Akta 281), Ordinan Perlesenan Perdagangan 1948, Undang-Undang Kecil 1981 dan Peraturan 38(1)(c) di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Sehubungan itu, Nor Omar berkata, pihak polis khususnya PGA Briged Sabah PGA akan terus komited dan konsisten dalam membanteras sebarang bentuk aktiviti penyeludupan di negeri ini.

Katanya, kegiatan berkenaan bukan sahaja menjejaskan ekonomi tetapi juga boleh mengancam keselamatan dan kesihatan awam.

“Orang ramai disarankan supaya menyalurkan maklumat berhubung aktiviti penyeludupan kepada pihak berkuasa bagi membantu usaha membanteras kegiatan haram berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Nor Omar berkata, operasi bersepadu berkenaan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Veterinar Sabah (JPVS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).-

[NABALUNews](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR